



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

AHAD, 3 JULAI 2022	
1.	Bekalan ayam ada, pelanggan pula kurang -Harga ditetapkan munasabah -Lapor jika harga ayam berbeza -Tiada caj pemotongan dikenakan
2.	SKM dapat Rm100 juta
3.	Bekalan ayam makin pulih, tiada cadangan tambah import
4.	New ceiling price allows for profit margin at every level
5.	Pengusaha ladang ayam pastikan bekalan cukup
6.	Govt to ensure steady chicken supply

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Bekalan ayam ada, pelanggan pula kurang

Peniaga akui jualan merosot walaupun bekalan ayam sudah pulih

Oleh ADILA SHARINNI WAHID
KOTA BHARU

Walaupun bekalan ayam di negeri ini mulai pulih, namun peniaga berdepan dengan kekurangan pelanggan yang menurun sehingga 70 peratus berbanding sebelum krisis ayam.

Seorang peniaga, Munsyi Mohamad Nuri, 33, berkata, keadaan jualan merosot berlaku sejak isu kekurangan bekalan ayam yang melanda negara bermula bulan lalu.

"Sekarang ini saya hanya dapat jual ayam sekitar 30 ekor pada setiap hari Sabtu hingga Ahad manakala antara 50 hingga 60 ekor sahaja pada hari Jumaat.

"Jumlah itu berkurangan daripada kebiasaan di mana sebelum ini kami dapat jual 100 ekor atau lebih pada hari Jumaat.

"Keadaan mungkin berlaku apabila orang ramai mula berjimat cermat dalam berbelanja kerana harga



Munsyi (kiri) yang masih menunggu pelanggan untuk membeli ayam di gerainya di Pasar Tok Guru, Pengkalan Chepa, Kota Bharu.

barangan yang semakin meningkat," katanya ketika ditemui di Pasar Tok Guru, Pengkalan Chepa di sini.

Menurutnya, pengurangan hasil jualan harian itu menyebabkan dia terpaksa mencari alternatif lain bagi meninggalkan jualan ayam miliknya.

"Jika menjelang tengah hari bekalan ayam masih banyak, saya akan telefon pemilik-pemilik kedai makan untuk menawarkan ayam kepada mereka bagi menghabiskan jualan," katanya.

Seorang lagi peniaga, Mohamad Safuan Mohamad Zain, 34, berkata,

jumlah pelanggan berkurangan walaupun bekalan ayam sudah lama pulih sejak tiga minggu lalu.

"Saya mendapatkan bekalan ayam dari Perak dan saiz ayam juga lebih besar berbanding sebelum ini, tetapi pembeli pula berkurangan," katanya.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada Rabu lalu mengambil keputusan untuk tidak mengapungkan harga ayam sebaliknya meneruskan subsidi dan menetapkan harga siling runcit ayam standard pada RM9.40 sekilogram bagi Semenanjung Malaysia mulai Jumaat lalu.

Harga ditetapkan munasabah

IPOH - Harga sekilogram ayam di kebanyakan kedai dan pasar raya di bandar Ipoh dijual mengikut harga siling ditetapkan kerajaan.

Tinjauan *Sinar Ahad* di beberapa premis melibatkan pasar raya dan kedai runcit mendapati kebanyakan mereka menjual pada harga RM9.40 sekilogram.

Bagaimanapun, terdapat pasar raya yang menjual ayam segar lebih rendah iaitu pada harga RM7.99 sekilogram.

Bagi pengusaha kedai ayam segar, Datuk Mohd Azlan Helmi berkata, harga ditetapkan oleh kerajaan itu munasabah bagi peniaga dan pelanggan.

Menurutnya, melalui penetapan harga baharu tersebut, orang ramai mudah merancang untuk membeli berbanding sebelum ini kerana ada pihak yang meletakkan harga sesuka hati.

"Kita menyambut baik usaha kerajaan menetapkan harga siling baharu tersebut. Berapapun margin keuntungan sedikit namun peniaga dan pengusaha masih mampu bertahan.

"Pengguna juga tidak gelisah nak beli ayam kerana sebelum ini harga tak menentu dan sukar dijangka," katanya kepada *Sinar Ahad*.

Mengenai bekalan pulis, Mohd Azlan yang merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Pematang Industries berkata, tiada masalah untuk memperoleh ayam segar daripada pembekal.

Menurutnya, setakat ini kedai Oh Ayamku milik Pematang Industries belum pernah berhadapan dengan masalah terputus bekalan dan sebarang permintaan masih dapat dipenuhi.

Jelasnya, menjelang Hari Raya Aidiladha, permintaan terhadap ayam meningkat sebanyak 20 peratus tidak terlalu tinggi berbanding ketika Hari Raya Aidilfitri lalu.



MOHD AZLAN

Lapor jika harga ayam berbeza

ALOR SETAR - Orang ramai diminta melaporkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) jika berlaku perbezaan harga ayam di kawasan luar bandar.

Pengarah Penguatkuasa KPDNHEP, Azman Adam berkata, isu perbezaan harga jualan ayam di bandar dan luar bandar seharusnya tidak timbul kerana harga ditetapkan kerajaan dibuat selepas mengambil kira margin keuntungan mencukupi bagi semua peniaga.

"Tiada sebab peniaga menjual ayam melebihi harga siling RM9.40 yang telah ditetapkan kerajaan manakalanya di kawasan luar bandar.

"Jika berlaku perbezaan harga terutamanya di kawasan luar bandar, KPDNHEP mengalu-alukan aduan daripada pengguna. Berikan mak-

lumat lengkap termasuk harga dan tempat jualan bagi membolehkan tindakan segera diambil," katanya selepas mengadakan pemeriksaan penguatkuasaan sempena pelaksanaan penentuan harga maksimum ayam dan telur di Pasar Besar Alor Setar di sini pada Sabtu.

Dalam pada itu, saranan sama turut dibuat Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) yang menasihati pengguna supaya membuat laporan terus kepada KPDNHEP.

Presiden Fomca, Profesor Datuk Dr N Marimuthu berkata, pihaknya ada menerima aduan berhubung harga ayam mahal, namun tidak mempunyai kuasa untuk bertindak.

"Kami berharap ada balih-balih aduan tetapi kuasa hanya terletak pada pihak KPDNHEP," katanya.

Tiada caj pemotongan dikenakan

ALOR SETAR - Peniaga ayam di sekitar kawasan Alor Setar sudah tidak mengenakan caj pemotongan selepas kerajaan menetapkan harga siling RM9.40 bermula Jumaat lalu.

Pengarah Urusan Bismi

Empire Sdn Bhd (Ayam Bismi), Mazlina Kamarudin berkata, sebelum ini pihaknya mengenakan caj pemotongan sebanyak 50 sen untuk seekor ayam dengan harga jualan ayam segar RM8.90 sekilogram.



Pengurus Besar Ayam Bismi, Adil Saad memambukkan ayam segar berharga RM9.40 sekilogram yang dijual di pusat jualan mereka.

"Tetapi mulai Jumaat kita jual pada harga RM9.40 sekilogram tanpa sebarang caj tambahan lain," katanya.

Menurutnya, penetapan harga siling berkenaan membuktikan kerajaan mampu membuat keputusan yang adil bagi penanam dan pembeli.

"Ini adalah usaha baik untuk terus menggalakkan industri penternakan ayam negara, kita tidak mahu ayam dijual murah tapi industri penternakan ayam tidak boleh bertahan," katanya.

Peniaga ayam, Wan Mohamad Aliq Wan Ahmad Fauzi, 25, berkata, dia tidak menjual ayam pada harga yang disarankan kerajaan tanpa sebarang caj pemotongan.

"Sebelum ini saya menjual ayam pada harga RM8.90 sekilogram juga tanpa sebarang caj tambahan, dan insya-ALLAH harga siling yang baharu ini juga tidak akan membebankan pembeli," katanya.

Bantu kembangkan industri agromakanan terutama ternakan ayam

SKM dapat RM100 juta

Oleh AHMAD FADHLULLAH
ADNAN

utusannews@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Sejumlah RM100 juta peruntukan di bawah Tabung Agromakanan diletakkan di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) bagi membantu koperasi mengembangkan industri agromakanan khususnya penternakan ayam.

Perdana Menteri, Datuk Ismail Sabri berkata, langkah itu diharap dapat membantu koperasi meningkatkan pengeluaran makanan, seterusnya mengurangkan masalah kenaikan harga barang yang memberi impak besar kepada Keluarga Malaysia.

"Kerajaan juga bersetuju agar koperasi-koperasi diberi kuota pekerja asing supaya urusan perladangan dapat berjalan dengan lancar.

"Kerajaan juga memperuntukkan sejumlah RM10 juta kepada Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (Kuskop) bagi membiayai penganjuran aktiviti-aktiviti kolaborasi strategik bersama persatuan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti penganjuran pameran dan ekspo," katanya.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan Bulan Koperasi Kebangsaan 2022 di Kompleks Penerangan Pelancongan Malaysia (MATIC) di sini, semalam.



ISMAIL Sabri Yaakob dan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar disambut oleh para hadirin dalam Majlis Pelancaran Bulan Koperasi Kebangsaan 2022 sempena 100 tahun Koperasi di MATIC, Kuala Lumpur, semalam. - MINGGUAN/ SHIDDIEQIIN ZON

Mengulas lanjut, Ismail Sabri berkata, kerajaan juga menyokong penubuhan Koperasi Rakyat BR 2.0 Malaysia Berhad atau BR 2.0, sebuah entiti koperasi yang baharu ditubuhkan di bawah Akta Koperasi 1993 [Akta 502] dan dikawal selia oleh SKM.

"BR 2.0 juga dijangka memainkan peranan lebih besar iaitu membantu membangunkan sektor koperasi serta Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan seterusnya

menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

"Penubuhan BR 2.0 turut membolehkan Keluarga Malaysia melabur dan memiliki saham dalam koperasi seperti mana Bank Rakyat dengan jangkaan pulangan yang baik," ujar beliau.

Dalam pada itu, Perdana Menteri menyeru semua koperasi di negara ini mencontohi gerakan koperasi di Jepun yang diletakkan di bawah *Japanese Consumer Cooperative Union*

(JCCU).

Beliau berkata, JCCU merupakan gabungan 572 koperasi pengguna dan dianggotai oleh 22 juta orang berjaya mencatat keuntungan RM2.6 bilion pada tahun 2021.

Kata beliau, gabungan koperasi itu bukan sekadar menguasai segmen pasaran dengan membekalkan barangan keperluan harian tetapi mampu menawarkan persekitaran yang lestari kepada komuniti setempat.

Bekalan ayam makin pulih, tiada cadangan tambah import

BAGAN SERAI: Kerajaan tidak bercadang untuk menambah import ayam dari Thailand bagi meningkatkan stok pengimbal.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, ini kerana bekalan ayam dijangka mencukupi apabila penternak ayam mula menggiatkan semula aktiviti mereka berikutan permintaan semakin meningkat.

Menurutnya, kerajaan juga mengarahkan agensi kerajaan seperti Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) untuk menjalankan aktiviti penternakan ayam secara komersial.

"Setakat ini, bekalan mencukupi, apabila agensi menternak ayam, ia akan menambah stok pengimbal.

"Seperti PPK di Johor, mereka ada kilang proses, reban dan kilang anak ayam pun kita ada. Apabila kita uruskan sendiri anak ayam, industri ayam ini akan berkembang pesat dan ia akan jadi *check and balance* kepada syarikat-syarikat ayam yang lain," katanya kepada pem-



NIK Muhammad Zawawi Salleh (tengah) dalam sidang akhbar semasa lawatan kerja ke PPK Gunung Semanggol dan Selinsing di Bagan Serai semalam. - MINGGUAN/WAT KAMAL ABAS

berita selepas mengadakan lawatan kerja ke Pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan Gunung Semanggol dan Selinsing di sini, semalam.

Menurut Nik Muhammad Zawawi, import ayam ketika ini perlahan disebabkan harga di dalam negara lebih murah berbanding negara lain seperti Thailand, Vietnam dan Kemboja.

Sebelum ini, Ketua Pengarah LPP, Datuk Azulita Salim berkata, inisiatif pelaksanaan stok pengimbal ayam oleh LPP dijangka mampu menampung 20 peratus bekalan dalam negara menerusi pengimportan 4,536 metrik tan sumber protein berkenaan secara berperingkat dari Thailand, sehingga hujung Julai depan.

CHICKEN SUPPLY CHAIN

'New ceiling price allows for profit margin at every level'

ALOR STAR: Retailers in rural areas have no excuse to sell chicken above the RM9.40 per kg ceiling price.

Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry enforcement director Azman Adam said the new ceiling price, which went into effect on Friday, took into account the profit margin and transportation costs of all players in the supply chain.

"The mechanism has taken into account the profit margin for every single level (in the supply chain).

"For example, in the peninsula, the chicken price at farms has been set at RM6 per kg, with live chicken sold at RM6.40 per kg. The wholesalers' price for retailers was set at RM8.10 per kg.

"This means the retailers are still enjoying a profit margin by selling chicken according to the ceiling price of RM9.40 per kg.

"There is no excuse to sell chicken at different prices in urban and rural areas," he said after

carrying out price inspections at Pasar Besar Alor Star here, yesterday.

Also present was the ministry's state director, Affendi Rajni Kanth.

Azman urged consumers to lodge a report with the ministry if they were overcharged.

"It is crucial for consumers to provide details in the report, such as the premises' name, location and the price charged by the retailer so that we can take immediate action."

The ministry's secretary-general, Datuk Azman Mohd Yusof, who led the inspection team yesterday, said the supply of essential items for the Hari Raya Aidiladha season would be sufficient.

"We expect the supply of chicken and eggs to remain stable.

"In fact, there are retailers who are selling chicken below the ceiling price at RM8.50 per kg.

"This shows that retailers are also concerned about the burden on consumers."



Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry secretary-general Datuk Azman Mohd Yusof (second from right) checking the price of chicken at a stall in Pasar Besar, Alor Star, yesterday. PHO BY SUZANNA RAMLI (2/2022)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
03.07.2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	4

Pengusaha ladang ayam pastikan bekalan cukup

Machang: Pengusaha ladang ayam memberi komitmen untuk menjalankan operasi pada tahap optimum bagi memastikan bekalan makanan sentiasa cukup.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata agensi kementerian itu juga mengadakan libat urus dengan semua pihak berkepentingan dalam rantaian pengeluaran ayam bagi memastikan kelangsungan pengeluaran ayam pada tahap stabil.

"Di samping itu, pihak kami juga boleh mendapatkan maklumat secara langsung daripada penternak mengenai isu yang dihadapi," katanya selepas melawat ladang penternakan ayam di Labok, di sini, semalam.

Beliau berkata, tahun ini perbelanjaan subsidi ditanggung kerajaan sebanyak RM77.7 billion, jumlah yang besar dan usaha menyeluruh untuk memastikan kenaikan kos sara hidup dapat ditangani.

Katanya, kerajaan memberi subsidi kepada kos sebenar pengeluaran ayam dan telur.

"Kita bukan sahaja memberi subsidi kepada ayam, minyak masak, bahan api dan tepung, malah pelbagai lagi bahan keperluan rakyat disubsidikan



Ronald (kanan) bersama pengusaha penternak ayam, Zulkifli Md Noor ketika lawatan kerja di ladang penternakan ayam di Kampung Dalam Huma, Machang, semalam.

(Foto BERNAMA)

oleh kerajaan untuk membantu meringankan beban rakyat," katanya.

Ronald berkata, import stok penimbal ayam juga dilaksanakan

secara berperingkat oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dengan jumlah keseluruhan 4,536 tan menjelang penghujung bulan ini.

**Farm visit:**

Chicken breeder Zulkifli Md Noor showing Kiandee (right) one of the birds from his farm in Kampung Dalam Huma, Machang.
— Bernama

Govt to ensure steady chicken supply

MACHANG: Continuous meetings would be held between the government and stakeholders in the chicken supply chain to ensure stable and sufficient supply of the birds, says the Agriculture and Food Industries Ministry (Mafi).

Its minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said breeders and farm operators had shown their commitment to strengthening the country's food security while ensuring a con-

tinuous supply of chickens.

He added that the government also strived to set up price control mechanisms to ensure the people were not burdened by the rising cost of living.

"In addition, buffer stocks for chickens are being imported in stages by the Farmers Organisation Board with a total capacity of 4,536 metric tonnes by the end of this month," he told Bernama after visit-

ing a chicken farm in Kampung Dalam Huma here yesterday.

Kiandee said the government would ensure the poultry and egg industry remained sustainable by providing subsidies to industry players so that the supply would always be sufficient and at a stable and affordable price.

He said Mafi had approved 4,739 applications totalling RM384mil for subsidy claims by breeders.